

Headline	Segera meterai Kod		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	145 cm ²
Journalist	RITA BENOY BUSHON	AdValue	RM 4,998
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,995



Segera meterai Kod

» Dua pelabur asing urus dana RM2.6 trilion sudah mendahului



RITA BENOY BUSHON

Baru-baru ini kami melaporkan mengenai Kod Pelabur Institusi Malaysia (Kod) yang berjaya dilancarkan pada 27 Jun 2014.

Untuk makluman pembaca, borang dalam talian bagi pelabur institusi menandatangani Kod berkenaan boleh didapati di laman web kami.

Kami juga ingin memaklumkan, sehingga kini, dua pelabur institusi asing yang mengurus dana kira-kira RM2.6 trilion sudah menandatangani Kod

itu.

Kami menjangkakan lebih banyak pelabur institusi mengambil langkah itu pada tahun ini.

Promoter Kod

Bagi pelabur institusi tempatan, kami berharap pelabur institusi terbesar di Malaysia iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Lembaga Tabung Haji (LTH) yang menjadi 'promoter' Kod ini, juga memeterai Kod itu.

Mereka bersama kami ketika merumuskan Kod itu dan berharap mereka boleh menjadi pemangkin, menggalakkan pengu-
rus dana dan penyedia perkhidmatan dalam rantaian pelaburan di Malay-

sia menandatangani Kod itu bagi manfaat pelanggan masing-masing.

Sementara itu, kita masih menunggu perkembangan lanjut mengenai cadangan penggabungan CIMB, RHB dan Malaysia Building Society Bhd (MBSB), agensi penarafan Fitch Ratings sudah menilai rancangan itu sebagai 'bercita-cita tinggi', yang membawa 'satu cabaran membabitkan risiko' di tengah 'proses integrasi yang kompleks'.

Fitch menilai dan memberi peringatan rancangan membentuk kumpulan kewangan terbesar negara dan bank Islam mega boleh melemahkan penampan modal bagi CIMB jika tidak dibiayai ekuiti baharu mencukupi.



Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)